

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD
YAZID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan yang akan dihadapi kepada pengeksport makanan negara ke Amerika Syarikat, apabila "US Food and Drug Administration" (FDA) mula menguatkuasakan "Foreign Supplier Verification Programme" (FSVP) mulai Mei 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan makanan dan pematuhan terhadap keperluan negara pengimport.

Dengan penguatkuasaan *Foreign Supplier Verification Programme* (FSVP) di bawah *United States Food and Drug Administration* (USFDA) *Food Safety Modernization Act* (FSMA), proses pengeksportan akan menjadi lebih panjang dan rumit di mana sebelum sesuatu makanan boleh dieksport ke Amerika Syarikat, pihak pengimport perlu meluluskan pihak pengeksport sebagai “approved foreign supplier” yang antara lainnya melibatkan audit lapangan dan verifikasi ke atas pihak pengeksport.

Dalam hal ini, KKM dengan kerjasama USFDA telah mengadakan satu seminar berhubung FSMA dan FSVP pada 5 September 2016 yang telah dihadiri oleh pengeksport makanan ke Amerika Syarikat.

Selain itu, KKM dengan kerjasama pihak *International Life Sciences Institute* (ILSI) telah mengadakan satu bengkel pada 9-10 Oktober 2016 berhubung *Food Safety Preventive Controls* yang juga telah dihadiri oleh pengeksport makanan ke Amerika Syarikat. *Food Safety Preventive Controls* adalah sistem jaminan keselamatan makanan di bawah FSMA dan merupakan salah satu syarat bagi “approved foreign supplier” di bawah FSVP.